

Kerajaan pastikan masa depan anak Malaysia lebih cerah - PM

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan Madani sentiasa bekerja kuat membantu anak-anak Malaysia melalui sistem pendidikan tinggi berkualiti selain inisiatif Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang membuka laluan alternatif ke arah masa depan yang lebih cerah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merakamkan ucapan tahniah kepada semua lepasan SPM yang meraih keputusan cemerlang pada hari ini.

Beliau turut menitipkan pesan supaya pelajar-pelajar itu meneruskan usaha dan tekad kalian untuk menuntut ilmu ke peringkat lebih tinggi.

“Bagi yang kurang bernasib baik, usah berputus asa. Kerajaan Madani sentiasa bekerja kuat membantu anak-anak Malaysia.

“Ini melalui sistem Pendidikan Tinggi yang berkualiti selain inisiatif Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang membuka laluan alternatif ke arah masa depan yang lebih cerah,” katanya menerusi hantaran di media sosial, semalam.

Bercakap mengenai pelantikan Tun Ramli Ngah Taib sebagai Yang Dipertua Pulau Pinang, Anwar berharap pengalaman yang ada pada Tun Ramli akan dimanfaatkan oleh rakyat terutama di Pulau Pinang.



ANWAR Ibrahim melawat gerai makanan pada Majlis Sambutan Aidilfitri Kastam di Ibu Pejabat Kastam, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

“Tahniah saya ucapkan kepada Tun Ramli Ngah Taib di atas pelantikan ini dengan doa semoga khidmat dan pengalaman panjang Tun dihargai serta dimanfaatkan rakyat terutama rakyat Pulau Pinang,” katanya menerusi hantaran di media sosial, semalam.

Terdahulu dalam Majlis Sambutan Aidilfitri Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Putrajaya semalam, Anwar turut mengulas mengenai laporan IMF yang menurunkan unjuran pertumbuhan KDNK sebenar Malaysia bagi 2025.

Anwar berkata, kerajaan akan meneliti unjuran pertum-

buhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar Malaysia bagi 2025 dikeluarkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Katanya, beliau juga akan membuat pengumuman dan memberikan kenyataan penuh berhubung perkara itu menerusi Sidang Khas Parlimen pada 5 Mei depan.

Sementara itu, Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah berkata, siasatan berhubung kesilapan memaparkan Jalur Gemilang yang tidak lengkap melibatkan tiga pihak termasuk Kementerian Pendidikan akan dilakukan secara adil tan-

pa layanan dua darjat.

Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menzahirkan kekusaran terhadap beberapa insiden melibatkan bendera rasmi negara itu.

“Kesilapan ini dipercayai berpunca daripada penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk menghasilkan imej tersebut.

“Sama ada sengaja atau pun tidak, ia tetap menyentuh sensitiviti nasional yang tidak boleh dipandang ringan,” katanya menerusi taklimat harian Pejabat Perdana Menteri (PMO) yang disiarkan secara langsung, semalam.